

06 MAY 2003

MAHATHIR-BINTULU/I

PM AKAN RASMI KOMPLEKS LNG PETRONAS KHAMIS INI

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) Petronas yang bernilai RM16.6 bilion di Bintulu, Sarawak pada Khamis ini.

Majlis berkenaan akan merupakan acara rasmi pertama Dr Mahathir selepas kembali daripada cuti selama dua bulan pada Isnin.

Kompleks berkenaan, kemudahan pengeluaran LNG terbesar di dunia di satu lokasi, berkeluasan 276 hektar yang bersamaan 402 padang bola sepak. Ia terdiri daripada tiga loji -- MNLG 1, MNLG 2 dan MNLG 3 -- dan mereka mempunyai kapasiti pengeluaran masing-masing sebanyak 8.1 juta tan setahun (MTPA), 7.8 MTPA dan 6.8 MTPA.

Kompleks itu lengkap dengan tangki simpanan dan jeti pemuatan bagi LNG untuk disimpan serta dieksport kepada pelanggan seberang laut melalui tangki khas.

Ketiga-tiga loji berkenaan kini mempunyai kira-kira 850 pekerja, yang mana 80 peratus merupakan penduduk Sarawak.

Sejak dimulakan pada 1983 hingga 31 Mac, 2003, kira-kira 188 juta tan metrik LNG telah dihantar dari kompleks berkenaan, menjana AS\$36.1 bilion (RM137.18 bilion) dalam perolehan.

Kebanyakan LNG dieksport ke Jepun, Taiwan dan Korea Selatan di mana bahagian Malaysia dalam pasaran LNG mereka ialah masing-masing pada 25 peratus, 49 peratus dan 21 peratus.

Negara mula mengeksport LNG pada 1967 apabila penemuan rizab gas asli yang banyak di kawasan Tengah Luconia yang terletak antara 125 km dan 275 km luar pesisir Bintulu.

Malaysia kini merupakan pengeksport LNG ketiga terbesar di dunia, menguasai 13 peratus atau 15 juta tan metrik setahun eksport dunia, selepas Indonesia dan Algeria.

Pada 2002, LNG menguasai 5.6 peratus daripada keluaran negara kasar Malaysia dan tiga peratus eksport kasar Malaysia. -- BERNAMA

MAD SHY NHD